



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

27 DISEMBER 2024 (JUMAAT)

Satu lagi bangkai kucing, anjing ditemukan di UM

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	35	27 Dis

Satu lagi bangkai kucing, anjing ditemukan di UM

PETALING JAYA: Selepas lima kucing dilaporkan mati didakwa dibunuh di Universiti Malaysia (UM), seekor lagi bangkai anjing dan kucing ditemukan berhampiran pusat gimnasium universiti berkenaan.

Perkara itu dimaklumkan Keesatuan Mahasiswa UM (KMUM) menerusi satu kenyataan yang tular semalam.

Menurutnya, penemuan itu dimaklumkan kepada Pejabat Keselamatan sebelum laporan polis dibuat berhubung insiden berkenaan.

"Saya sudah berhubung dengan Pejabat Keselamatan dan meminta mereka memperketatkan kawalan kemasukan ke kampus.

"Kami juga dalam proses untuk mendapatkan rakaman CCTV (kamera litar tertutup)," katanya. Sementara itu, Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Rusdi Mohd. Isa mengesahkan menerima laporan kejadian itu.

"Masih dalam proses siasatan awal," katanya.

Terdahulu, tular dalam media sosial penemuan dua haiwan iaitu kucing dan anjing yang dipercayai dibunuh dengan cara sama iaitu perut dipelah serta usus dikeluarkan.

Berdasarkan hantaran dalam media sosial, disyaki ada sekurang-kurangnya dua suspek yang melakukan jenayah it bagi memastikan pertakuan mereka dapat dilakukan lancar tanpa disedari oleh sesiapa.

Hantaran itu juga mendakwa kemungkian ubat bus turut digunakan semasa melakukan jenayah itu bagi memastikan kucing dan anjing yang dipotong serta dikerat tidak mengeluarkan bunyi.

Sebelum ini, aktivis haiwan, Shima Arts tampil mendedahkan hasil pemeriksaan terperinci oleh doktor veterinar di sebuah klinik swasta terhadap kucing kelima mati bernama Lily yang turut melakukan ujian imbasan sinar-X ke atas bangkai haiwan malang berkenaan.

Sebelum Lily ditemukan keempat-empat kakinya seperti dipotong dan perutnya juga terbelah ditemukan tidak bernyawa di universiti itu.

Susulan kejadian itu, sebanyak 22 kucing liar di UM diselamatkan oleh sekumpulan sukarelawan yang prihatin dengan nasib haiwan berkenaan.

Dagangan ternakan negara meningkat 23.2% kepada RM1.4 billion 2023

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Ekonomi	38	27 Dis

Dagangan ternakan negara meningkat 23.2% kepada RM1.4 bilion 2023

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**
nazlina.nadzari@media.utusan.com.my

PETALING JAYA: Jumlah dagangan ternakan di Malaysia meningkat 23.2 peratus atau RM254.7 juta kepada RM1.4 bilion pada 2023, berdasarkan Tinjauan Perangkaan Perdagangan Malaysia (MTSR) 2024 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Pertumbuhan ini mencerminkan peningkatan permintaan terhadap ternakan dan produk berkaitan bagi memenuhi keperluan penggunaan domestik dan industri.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, MTSR 2024 mensintesis prestasi perdagangan Malaysia untuk industri ternakan dengan memfokuskan kepada ternakan terpilih seperti ayam, telur, lembu, biri-biri dan kambing, itik dan babi.

Katanya, analisis ini bertujuan untuk memperkukuh pemahaman yang lebih menyeluruh mengenai sumbangan industri terhadap ekonomi serta peranannya dalam membentuk perspektif ekonomi yang holistik.



INDUSTRI ruminan di Malaysia masih didominasi oleh sektor luaran, dengan nilai import lembu hidup meningkat daripada RM82.8 juta pada 2022 kepada RM108.7 juta pada 2023.

"Industri ternakan di Malaysia telah mencatat perkembangan dan pertumbuhan yang ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini, sekaligus memberi sumbangan signifikan kepada sektor pertanian negara.

"Sektor ayam dan telur kekal sebagai penyumbang terbesar kepada subsektor ternakan dan memainkan peranan penting

dalam memenuhi keperluan protein rakyat Malaysia.

"Nilai eksport ayam mencapai RM726.7 juta pada 2023, meningkat 27.0 peratus atau RM154.4 juta berbanding tahun lepas," katanya dalam kenyataan.

Sementara itu, beliau berkata, pengeluaran telur di Malaysia terus mencatat prestasi yang

memberangsangkan dengan nilai eksport mencecah RM671.2 juta pada tahun 2023 serta memenuhi permintaan pasaran di peringkat serantau.

Mohd Uzir memberitahu, industri ruminan di Malaysia masih didominasi oleh sektor luaran, dengan nilai import lembu hidup meningkat pesat bagi memenuhi penggunaan domes-

tik dengan peningkatan nilai import daripada RM82.8 juta pada 2022 kepada RM108.7 juta pada 2023.

"Nilai import ternakan untuk biri-biri dan kambing mencapai RM27.2 juta pada 2023 iaitu Australia dan Indonesia kekal sebagai pengeksport utama ke Malaysia. Industri itik mencatatkan prestasi yang sangat kukuh pada tahun 2016 dengan jumlah nilai perdagangan RM4.6 juta.

"Namun, ia mengalami penurunan besar 93.7 peratus kepada RM45.124 pada 2023. Perdagangan babi di Malaysia meningkat daripada RM 141.7 juta pada 2022 kepada RM 179.1 juta pada 2023," ujarnya.

Beliau menghuraikan, industri ternakan menghadapi ketidakseimbangan perdagangan iaitu jumlah import secara konsisten mengatasi jumlah eksport.

"Pada 2023, defisit perdagangan bagi produk ternakan berjumlah RM849.1 juta dan menggariskan keperluan untuk campur tangan strategik untuk meningkatkan pengeluaran dan daya saing tempatan," katanya.

Gempar bangkai anjing, kucing pula ditemukan di UM

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
M Star	Semasa	Online	27 Dis



BANGKAI kucing dan anjing pula ditemukan di kawasan kampus Universiti Malaya (UM) pada Rabu.

Bangkai haiwan itu dijumpai di dua lokasi berasingan di kawasan universiti.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Rusdi Mohd Isa berkata, pihaknya menerima laporan mengenai perkara itu.

"Kami masih di peringkat awal siasatan. Kami pasti akan menyiasat perkara itu dengan lebih lanjut," katanya ketika dihubungi.

Penemuan bangkai tersebut susulan insiden kematian beberapa kucing lain di kampus berkenaan.

Sementara itu, Kesatuan Pelajar universiti (KMUM) memaklumkan, perkara itu sudah dilaporkan kepada Pejabat Keselamatan dan polis.

"Saya sudah berhubung dengan Pejabat Keselamatan dan meminta mereka memperketatkan kawalan kemasukan ke kampus.

"Kami juga dalam proses untuk mendapatkan rakaman CCTV (kamera litar tertutup)," katanya dalam satu kenyataan yang kini tular.

Tags/Kata Kunci:

bangkai kucing anjing di UM, kucing mati di UM, kematian kucing, bangkai anjing, bunuh haiwan, Kesatuan Mahasiswa UM, KMUM

Terdahulu, Rajesh Nagarajan dari Lawyers for Animal Rights memberitahu, beliau percaya seorang 'psikopat' terlibat dalam insiden kematian kucing di UM.

Beliau berkata, laporan doktor haiwan menunjukkan anggota badan kucing diputuskan menggunakan senjata tajam.

"Jika ini kerja psikopat, kami bimbang keselamatan pelajar dan kakitangan UM selain haiwan liar," katanya pada sidang media, Isnin lalu. -The Star

Jadilah sebahagian daripada geng mStar! Follow kami di Telegram, Twitter, TikTok, Facebook, Instagram dan YouTube

Tags/Kata Kunci:

bangkai kucing anjing di UM, kucing mati di UM, kematian kucing, bangkai anjing, bunuh haiwan, Kesatuan Mahasiswa UM, KMUM

Kali ini bukan kucing sahaja, bangkai anjing turut ditemukan di UM

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	27 Dis



GAMBAR fail, sukarelawan menyelamatkan kucing liar di UM, barui-baru ini. FOTO Tangkap Layar TikTok

Kuala Lumpur: Selepas lima kucing dilaporkan mati didakwa dibunuh di Universiti Malaya (UM), seekor lagi bangkai kucing ditemukan berhampiran pusat gimnasium universiti berkenaan. Bukan itu saja, seekor anjing turut dilaporkan mati dengan diperlakukan jenayah sama.

Perkara itu dimaklumkan Kesatuan Mahasiswa UM (KMUM) menerusi satu kenyataan yang tular hari ini.

Menurutnya, penemuan itu dimaklumkan kepada Pejabat Keselamatan sebelum laporan polis dibuat.

"Saya sudah berhubung dengan Pejabat Keselamatan dan meminta mereka memperketatkan kawalan kemasukan ke Kampus. "Kami juga dalam proses untuk mendapatkan rakaman CCTV (kamera litar tertutup)," kata kenyataan itu.

Sementara itu, Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Rusdi Mohd Isa mengesahkan menerima laporan kejadian itu.

"Masih dalam proses siasatan awal," katanya kepada pemberita.

Terdahulu, tular di media sosial penemuan dua haiwan iaitu kucing dan anjing yang dipercayai dibunuh dengan cara sama iaitu perut dibelah serta usus dikeluarkan.

Berdasarkan hantaran di media sosial, dianggarkan ada sekurang-kurangnya dua orang yang melakukan jenayah itu, supaya mereka dapat melakukannya dengan bersih dan tanpa disedari oleh sesiapa.

Kemungkinan ubat bius juga digunakan semasa melakukan jenayah itu bagi memastikan kucing dan anjing yang dipotong serta dikerat tidak mengeluarkan bunyi.

Sebelum ini, aktivis haiwan, Shima Aris tampil mendedahkan hasil pemeriksaan terperinci oleh doktor veterinar di sebuah klinik swasta terhadap kucing kelima mati bernama Lily yang turut melakukan ujian imbasan sinar-X ke atas bangkai haiwan malang berkenaan.

Sebelum Lily ditemukan mati, dua kucing lain yang keempat-empat kakinya seperti dipotong dan perutnya juga terbelah ditemukan tidak bernyawa di universiti itu.

Susulan kejadian itu, sebanyak 22 kucing liar di UM diselamatkan oleh sekumpulan sukarelawan yang prihatin dengan nasib haiwan berkenaan.

Kematian kucing di UM: Dua bangkai dihantar ke Makmal Veterinar

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	27 Dis



Kuala Lumpur: Dua bangkai kucing yang ditemukan mati di dalam kawasan Universiti Malaya (UM) dihantar ke Makmal Veterinar untuk bedah siasat.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Rusdi Mohd Isa berkata, ia membabitkan bangkai kucing yang dilaporkan seorang aktivis haiwan dan kucing yang ditemui mati semalam. "Polis sudah merakam keterangan aktivis haiwan terbabit dan bangkai kucing yang ditemui pada 20 Disember lalu sudah diserahkan kepada polis.

"Bangkai kucing itu dihantar ke Makmal Veterinar bagi tujuan pemeriksaan dan bedah siasat akan dilakukan esok.

"Pemeriksaan dan bedah siasat sama turut akan dilakukan kepada kucing yang ditemui dekat Fakulti Sukan dan Sains Eksesais UM semalam," katanya dalam kenyataan hari ini. Rusdi berkata, setakat ini seramai tujuh individu diambil keterangan bagi membantu siasatan kes berkenaan.

Katanya, mereka terdiri daripada pensyarah, penuntut universiti dan aktivis haiwan terbabit.

Harian Metro semalam melaporkan, selepas lima kucing dilaporkan mati didakwa dibunuh di UM, seekor lagi bangkai kucing ditemukan berhampiran pusat gimnasium universiti berkenaan.

Perkara itu dimaklumkan Kesatuan Mahasiswa UM (KMUM) menerusi satu kenyataan yang tular.

Haiwan peliharaan itu turut didakwa dibunuh dengan cara sama dengan perut dibelah dan usus dikeluarkan.

Sebelum ini, aktivis haiwan, Shima Aris tampil mendedahkan hasil pemeriksaan terperinci oleh doktor veterinar di sebuah klinik swasta terhadap kucing kelima mati bernama Lily yang turut melakukan ujian imbasan sinar-X ke atas bangkai haiwan malang berkenaan.

Sebelum Lily ditemukan mati, dua kucing lain yang keempat-empat kakinya seperti dipotong dan perutnya juga terbelah ditemukan tidak bernyawa di universiti itu.

Eksport produk sarang burung MYMBN ke China digantung sementara oleh Veterinar Malaysia

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
DagangNews	Terkini	Online	27 Dis



MYMBN Berhad dikenakan perintah penggantungan sementara eksport produk sarang burung ke China oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia mulai 25 Disember 2024. Ini berikutan kejadian Virus Penyakit Newcastle di Malaysia yang dilaporkan kepada Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia. Penggantungan ini terpakai kepada seluruh industri untuk kedua-dua Sarang Burung yang Boleh Dimakan yang Dibersihkan Mentah dan Produk Sarang Burung yang Boleh Dimakan Mentah yang Tidak Dibersihkan, kata MYMBN dalam makluman di Bursa Malaysia hari ini.

"Lembaga Pengarah mengakui potensi kesan kewangan daripada situasi ini terhadap prestasi Syarikat dan secara proaktif melaksanakan langkah-langkah untuk mengurangkan sebarang kesan buruk," kata syarikat itu lagi. Langkah-langkah ini termasuk tetapi tidak terhad kepada:

1. Pengagihan semula fokus jualan kepada pasaran eksport alternatif sedia ada Vietnam dan pasaran tempatan.
2. Melibatkan pihak berkuasa yang berkaitan untuk memantau perkembangan dan mempercepatkan penyambungan semula eksport.

3. Melaraskan strategi operasi untuk mengurus inventori dan mengekalkan kesinambungan perniagaan dalam tempoh ini.

"Pengumuman lanjut mengenai sebarang perkembangan material penggantungan akan dibuat dalam masa terdekat apabila diperlukan," kata MYMBN.



TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR